

PERATURAN 14 PINDAAN PERLEMBAGAAN

- 14.1 Mana-mana bahagian dalam perlembagaan ini sah sehingga ia dipinda.
- 14.2 Cadangan pindaan perlembagaan boleh dibuat oleh ahli, ahli jawatankuasa, Guru Penasihat atau pentadbir sekolah secara bertulis.
- 14.3 Mesyuarat Agung Luar Biasa.
 - 14.3.1 Atas permintaan bertulis dua pertiga ahli.
 - 14.3.2 Atas keputusan pengerusi.
- 14.4 Setiap pindaan yang telah diluluskan hendaklah dipamerkan dan disahkan oleh Pendaftar Persatuan Sekolah.

PERATURAN 15 PEMBUBARAN KELAB

- 15.1 Pendaftar Persatuan sekolah diberi kuasa untuk membubarkan kelab jika didapati melanggar perlembagaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- 15.2 Segala hutang wajib dijelaskan. Baki kewangan diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tergempar.

PERATURAN 16 HAL-HAL LAIN

- 16.1 Setiap ahli perlu mengetahui sendiri terhadap aktiviti yang dijalankan.
- 16.2 Ahli-ahli hendaklah sentiasa peka dan mengikut aktiviti dengan penuh minat.

.....
(Setiausaha)

.....
(Pengerusi)

.....
(Guru Penasihat)

Disahkan oleh Pendaftar Persatuan Sekolah :

Pada mematuhi Subperaturan 5(1)(a) dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 seperti dalam Warta Kerajaan Malaysia Jilid 42, No. 11, Tambahan No.21, Perundangan (A) : P.U.(A) 196, bertarikh 21 Mei 1998, maka berikut ini dikemukakan Peraturan-Peraturan (Perlembagaan) KELAB DOKTOR MUDA yang selepas ini disebut sebagai 'kelab' sahaja.

PERATURAN 1 NAMA DAN ALAMAT

- a. Nama Persatuan : Kelab Doktor Muda
- b. Alamat Sekolah :

- c. Logo :



- d. Rasional Logo :
Simbol bulan sabit yang melindungi figura dan mata pena membawa maksud pentingnya pendedahan aspek kesihatan kepada kumpulan sasaran. Dua figura berwarna biru dan merah merujuk kepada kumpulan sasaran program iaitu murid-murid sekolah rendah yang ceria, cerdas, sihat, berketrampilan, cemerlang akademik dan berinovatif. Mereka adalah agen perubahan ke arah amalan cara hidup sihat. Mata pena emas pula merujuk kepada pentingnya ilmu pengetahuan kepada kumpulan sasaran. Setiap murid perlu berilmu untuk memastikan kejayaan dalam kehidupan dan sebagai pewaris negara yang sihat, cemerlang, gemilang dan terbilang.

PERATURAN 2**MATLAMAT**

Memberi **peluang kepada setiap murid** untuk mengembangkan potensi secara seimbang dan menyeluruh dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

PERATURAN 3**OBJEKTIF**

- 3.1 Supaya ahli dapat menganggotai kelab dengan lebih terpinpin dalam menimba ilmu asas amalan kesihatan dan menjadi pembimbing rakan sebaya (*peer educator*) dalam aspek khidmat nasihat serta memupuk semangat bertanggungjawab dan disiplin diri.
- 3.2 Ahli-ahli akan seberapa daya berusaha untuk melaksanakan aktiviti terancang seterusnya mencapai tahap yang paling tinggi dalam aktiviti yang diceburi terutamanya melalui sesi-sesi kemahiran dari masa ke semasa.

PERATURAN 4**KEAHLIAN**

- 4.1 Dibuka kepada semua murid Tahap 2 (Tahun 4,5 dan 6) sekolah ini.
- 4.2 Permohonan menjadi ahli adalah melalui sistem tapisan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Pemilihan ahli adalah berdasarkan kepada minat, kemas, sihat, memiliki ciri-ciri kepimpinan, bertanggungjawab, berpersonaliti menarik, berpengaruh, suka menolong dan mendapat kebenaran ibu bapa.
- 4.3 Ahli-ahli mestilah menerima serta bersetuju berpegang kepada Perlembagaan dan akan mengambil bahagian dengan aktif menjayakan tujuan kelab ini.

PERATURAN 5**KEAHLIAN BERSEKUTU**

- 5.1 Anggota Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 5.2 Ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).
- 5.3 Bekas Ahli Kelab Doktor Muda.
- 5.4 Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas yang berminat dan memohon secara rasmi melalui Pendaftar persatuan sekolah.
- 5.5 Organisasi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang diluluskan oleh Pendaftar Persatuan sekolah.

PERATURAN 10**KEHADIRAN / PENYERTAAN**

- 10.1 Ahli-ahli kelab dikehendaki menghadiri semua aktiviti yang dijalankan oleh kelab sepanjang tahun.
- 10.2 Kegagalan berbuat demikian sebanyak tiga kali berturut-turut dikehendaki menulis surat tunjuk sebab. Tindakan memotong markah kehadiran dalam penilaian kokurikulum boleh diambil sekiranya gagal berbuat demikian.

PERATURAN 11**AKTIVITI**

- 11.1 Dijalankan seperti yang dirancang dalam mesyuarat agung atau mesyuarat ahli jawatankuasa.
- 11.2 Sebarang pindaan aktiviti akan dibuat oleh Guru Penasihat dan diumumkan kepada pengetahuan ahli.

PERATURAN 12**PERATURAN-PERATURAN**

- 12.1 Peraturan sekolah adalah menjadi peraturan asas.
- 12.2 Peraturan khas yang ditetapkan hendaklah dipatuhi oleh semua ahli.

PERATURAN 13**TINDAKAN DISIPLIN**

- 13.1 Diambil terhadap ahli yang melanggar perlembagaan kelab dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.
- 13.2 Tindakan disiplin adalah mengikut cara berikut:
 - 13.2.1 Amaran lisan.
 - 13.2.2 Amaran bertulis.
- 13.3 Ahli yang tidak berpuas hati dengan tindakan yang diambil boleh membuat rayuan kepada Guru Penasihat kelab secara bertulis dan keputusan Guru Penasihat adalah muktamad.

8.8 Pemeriksa Kira-Kira

- 8.8.1 Memeriksa, menyemak serta mengesahkan Laporan Kewangan tahunan dan bertanggungjawab ke atasnya.
- 8.8.2 Memastikan pengurusan kewangan diuruskan dengan betul.

8.9 Peranan Ahli Kelab

- 8.9.1 Menjadi agen pembimbing kepada rakan sebaya di sekolah ini.
- 8.9.2 Mendorong rakan-rakan supaya menjaga kebersihan diri, bersikap positif dan bertingkah laku sihat.
- 8.9.3 Mempromosi sikap sihat dan tingkahlaku sihat dalam kalangan anggota keluarga di rumah.
- 8.9.4 Berusaha mencapai keadaan persekitaran yang bersih dan sihat di sekolah dan di rumah.
- 8.9.5 Membantu guru dan anggota kesihatan semasa pasukan kesihatan sekolah mengadakan lawatan ke sekolah.
- 8.9.6 Memainkan peranan yang aktif dalam kempen-kempen kesihatan yang dijalankan di sekolah.

8.10 Peranan Ahli Bersekutu

- 8.10.1 Membantu menyediakan sumber kepakaran, kewangan, peralatan dan kemudahan bagi menjayakan aktiviti kelab.
- 8.10.2 Memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan aktiviti kelab.
- 8.10.3 Memberikan maklumbalas bagi tujuan penambahbaikan kelab.

PERATURAN 9 KEWANGAN

- 9.1 Sumber utama kewangan kelab adalah melalui derma yang diputuskan semasa Mesyuarat Agung dan telah diputuskan sebanyak RM1.00 seorang setahun.
- 9.2 Kelab juga boleh memperolehi kewangan melalui aktiviti.
- 9.3 Ahli-ahli yang bersetuju menyertai aktiviti yang memerlukan perbelanjaan besar boleh dikenakan derma khas bagi membiayai aktiviti tersebut.

PERATURAN 6 GURU PENASIHAT

- 6.1 Guru Penasihat adalah terdiri daripada guru sekolah ini.
- 6.2 Guru Penasihat hendaklah memberi nasihat dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu aktiviti.
- 6.3 Guru Penasihat hendaklah sentiasa bersama dengan ahli-ahli semasa aktiviti dijalankan.

PERATURAN 7 AHLI JAWATAN KUASA

- 7.1 Dilantik semasa Mesyuarat Agung.
- 7.2 Ahli yang hadir layak dicalonkan sebagai Ahli Jawatankuasa manakala ahli yang tidak dapat hadir tetapi menulis surat tunjuk sebab layak dicalonkan sebagai Ahli Jawatankuasa.
- 7.3 Pemilihan ahli jawatankuasa secara undian.
- 7.4 Ahli Jawatankuasa Kecil boleh dilantik oleh Guru Penasihat tanpa mengadakan mesyuarat.
- 7.5 Ahli Jawatankuasa yang hendak meletakkan jawatan hendaklah menghantar surat perletakan jawatan kepada Guru Penasihat.
- 7.6 Ahli Jawatankuasa kelab hendaklah terdiri :-
 - 7.6.1 Pengerusi
 - 7.6.2 Timbalan Pengerusi
 - 7.6.3 Setiausaha
 - 7.6.4 Penolong Setiausaha
 - 7.6.5 Bendahari
 - 7.6.6 Penolong Bendahari
 - 7.6.7 Ahli Jawatankuasa (bilangan bergantung keperluan)
 - 7.6.8 Pemeriksa kira-kira (2 orang)

8.1 Pengerusi

- 8.1.1 Mempengerusikan semua mesyuarat dan bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat.
- 8.1.2 Meneliti catatan minit mesyuarat dan memastikan segala keputusan yang diputuskan diambil tindakan yang sewajarnya.
- 8.1.3 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

8.2 Timbalan Pengerusi

- 8.2.1 Membantu pengerusi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi.
- 8.2.2 Mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan pengerusi.
- 8.2.3 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

8.3 Setiausaha

- 8.3.1 Menguruskan hal-hal surat menyurat.
- 8.3.2 Mencatat dan menandatangani minit mesyuarat / laporan kegiatan-kegiatan.
- 8.3.3 Mencatat kehadiran ahli.
- 8.3.4 Menyimpan dokumen yang berkaitan dengan kelab.
- 8.3.5 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

8.4 Penolong Setiausaha

- 8.4.1 Membantu Setiausaha dalam menjalankan segala tugas dan tanggungjawabnya.
- 8.4.2 Menjalankan tugas Setiausaha sewaktu ketiadaan Setiausaha.
- 8.4.3 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

8.5 Bendahari

- 8.5.1 Bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan kelab.
- 8.5.2 Membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kesahihannya.
- 8.5.3 Menyediakan Penyata Kira-kira bulanan dan tahunan serta menandatangani.
- 8.5.4 Melaporkan kedudukan kewangan sekiranya diminta dalam mesyuarat ahli jawatankuasa.
- 8.5.5 Menyediakan Laporan Kewangan untuk diaudit dan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung.
- 8.5.6 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

8.6 Penolong Bendahari

- 8.6.1 Menjalankan tugas-tugas Bendahari sewaktu ketiadaan Bendahari.
- 8.6.2 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

8.7 Ahli Jawatankuasa

- 8.7.1 Membantu menjalankan tugas dalam segala program dan aktiviti yang dilaksanakan.
- 8.7.2 Mempengerusikan biro sekiranya dilantik.
- 8.7.3 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.